

16 AUG 1997

Anwar-Lapangan Terbang

TIADA CADANGAN TUTUP LAPANGAN TERBANG BAYAN LEPAS

SUNGAI SIPUT, 16 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan tidak bercadang menutup Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di Pulau Pinang dalam tempoh terdekat.

Menurut beliau, ini terbukti apabila Kementerian Pengangkutan dan Malaysia Airports Bhd telah mengumumkan cadangan pembesaran lapangan terbang itu baru-baru ini.

"Oleh itu soal penutupan lapangan terbang itu tidak timbul dalam tempoh terdekat malah kita percaya dalam tempoh dua tahun ini operasinya tetap sibuk seperti sedia ada," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kampung berkembar antara kampung Orang Asli dan kampung tradisional Melayu di Kampung Bawong, kira-kira 30 km dari sini, petang ini.

Menurut Anwar, wartawan telah tersilap memetik ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa lapangan terbang itu akan ditutup apabila lapangan terbang wilayah Utara di Kedah siap kelak.

"Lapangan terbang itu hanya akan ditutup apabila keadaan memerlukan," tegas beliau.

Menurut Anwar kerajaan akan mengkaji dari masa ke masa mengenai keperluan lapangan terbang itu sebelum mengambil sebarang keputusan muktamad mengenainya.

Anwar juga berkata, kerajaan sedang meneliti cadangan balas Kerajaan Pulau Pinang mengenai tapak jambatan kedua menghubungkan pulau itu dengan Seberang Prai Utara.

"Kita mahu pastikan apabila jambatan itu dibina, ia memberi manfaat kepada kerajaan negeri itu terutama daripada segi penjimatan masa serta memudahkan perjalanan," katanya.

"Kita mahu memastikan pembinaan lapangan terbang baru itu kelak akan memberi faedah secara langsung kepada Pulau Pinang terutama Seberang Prai Utara daripada segi pengangkutan dari lapangan terbang baru ke bahagian pulau terbabit," kata beliau lagi. -- BERNAMA

RZS LAT PR